



Rujukan: UKM.PDF.100-1/3/1  
Tarikh: 6 Jun 2024

**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 12/2024**

**SEMUA WARGA  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN PELAKSANAAN PENGGUNAAN FUNGSI MYDIGITAL ID  
BAGI APLIKASI MUDAH ALIH MYHRMIS MOBILE**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), rujukan:JPA.100-15/3/5 (61) bertarikh 16 Mei 2024 adalah berkaitan.

2. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan bahawa JPA dengan kerjasama MIMOS Berhad telah membangunkan fungsi bagi Pelaksanaan Penggunaan Fungsi MyDigital ID Bagi Aplikasi Mudah Alih MyHRMIS Mobile.

3. Selaras dengan penggunaan MyDigital ID, mulai 27 Mei 2024, kemudahan log masuk ke aplikasi MyHRMIS Mobile menggunakan ID HRMIS sedia ada akan ditutup dan pengguna hanya boleh menggunakan MyDigital ID untuk log masuk. Walau bagaimanapun, akses kepada aplikasi HRMIS 2.0 melalui laman web masih boleh menggunakan ID HRMIS seperti biasa.

4. Bersama-sama ini, dilampirkan:

- a. Surat Edaran JPA mengenai Pelaksanaan Penggunaan Fungsi MyDigital ID Bagi Aplikasi Mudah Alih MyHRMIS Mobile seperti di **Lampiran 1**; dan
- b. Soalan Lazim MyHRMIS Mobile seperti di **Lampiran 2**

5. Sebarang pertanyaan mengenai pelaksanaan fungsi ini, YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/Puan boleh menghubungi pegawai berikut:

BIL.	NAMA/JAWATAN/JABATAN	ALAMAT E-MEL	NO. TELEFON
<b>KAMPUS BANGI</b>			
1.	Cik Hafizah Sa'adon Penolong Pendaftar Kanan Unit Elaun, Saraan & Prestasi Bahagian Sumber Manusia Jabatan Pendaftar	fiza@ukm.edu.my	03-8911 8227



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

**PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pendaftar/

BIL.	NAMA/JAWATAN/JABATAN	ALAMAT E-MEL	NO. TELEFON
2.	Encik Syukry Adam Abdul Hamid Pembantu Tadbir (P/O) Unit Elaun, Saraan & Prestasi Bahagian Sumber Manusia Jabatan Pendaftar	syuk@ukm.edu.my	03-8911 8243
3.	Puan Hazni Hanim Mohamad Thani Pembantu Tadbir (P/O) Unit Elaun, Saraan & Prestasi Bahagian Sumber Manusia Jabatan Pendaftar	arenim88@ukm.edu.my	03-8911 8237
<b>HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ</b>			
1.	Puan Rohaya Ismail Ketua Penolong Pendaftar Unit Elaun, Saraan & Prestasi Jabatan Sumber Manusia Hospital Canselor Tuanku Muhriz	rhy@ppukm.ukm.edu.my	03-9145 5170
2.	Encik Mohd Farihan Hussin Pembantu Tadbir (P/O) Unit Elaun, Saraan & Prestasi Jabatan Sumber Manusia Hospital Canselor Tuanku Muhriz	farihan@ppukm.ukm.edu.my	03-9145 5164
<b>HOSPITAL PAKAR KANAK-KANAK UKM</b>			
1.	Puan Farliza Zakaria Ketua Penolong Pendaftar Unit Elaun, Saraan & Prestasi Jabatan Sumber Manusia Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani Hospital Pakar Kanak-kanak UKM	farlizaz@ukm.edu.my	03-9174 8016
2.	Encik Uzair Hannan Ahmad Azlan Penolong Pegawai Tadbir Unit Elaun, Saraan & Prestasi Jabatan Sumber Manusia Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani Hospital Pakar Kanak-kanak UKM	uzairhannan@ukm.edu.my	03-9174 8668



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

**PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pendaftar/

**II MITI MITI DAN RIADI**

[www.ukm.my](http://www.ukm.my)

Sekian, terima kasih.

**"ILMU, MUTU DAN BUDI"**

Yang benar,



**HAJI ZANUDIN MOHD. DAUD**  
Menjalankan Fungsi Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor  
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor  
- Bendahari  
- Ketua Pustakawan  
- Penasihat Undang-Undang  
- Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz  
- Pengarah, Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani  
- Hospital Pakar Kanak-kanak UKM (HPKK)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

**PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Telefon: +603-8921 4888 E-mel: [pdftar@ukm.edu.my](mailto:pdftar@ukm.edu.my) Web: [www.ukm.my/pendaftar/](http://www.ukm.my/pendaftar/)

**II MI MITI DAN BUDI**

[www.ukm.my](http://www.ukm.my)



**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**  
**DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE**  
 Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
 Public Service Department, Malaysia  
 Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
 62510 W.P. PUTRAJAYA  
 MALAYSIA

Tel: 603-80008000  
 Faks (Fax): 603-88892187  
 Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA.100-15/3/5 ( 61 )

Tarikh : 16 Mei 2024

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
 Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
 Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
 Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
 Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PELAKSANAAN PENGGUNAAN FUNGSI MYDIGITAL ID BAGI  
 APLIKASI MUDAH ALIH MYHRMIS MOBILE**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Identiti Digital Malaysia (MyDigital ID) adalah satu inisiatif Kerajaan bagi pengesahan identiti secara digital yang selamat dan sah untuk pengguna dalam talian. Selaras dengan penggunaan tersebut, sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam dengan kerjasama MIMOS Berhad telah membangunkan **fungsi bagi penggunaan MyDigital ID dalam aplikasi mudah alih MyHRMIS Mobile** untuk menyokong inisiatif pelaksanaan MyDigital ID tersebut.



3. Fungsi ini telah boleh digunakan mulai **13 Mei 2024** dan tempoh pengenalan adalah selama dua (2) minggu. Selepas tempoh tersebut iaitu mulai 27 Mei 2024, kemudahan log masuk ke aplikasi MyHRMIS Mobile menggunakan ID HRMIS sedia ada akan ditutup dan pengguna hanya boleh menggunakan MyDigital ID untuk log masuk ke aplikasi berkenaan. Ini bertujuan untuk menggalakkan pendaftaran MyDigital ID dan penggunaannya dalam kalangan penjawat awam. **Walau bagaimanapun, akses kepada aplikasi HRMIS 2.0 melalui laman web masih boleh menggunakan ID HRMIS seperti biasa.**

4. Sebarang pertanyaan mengenai penggunaan dan pendaftaran MyDigital ID boleh dikemukakan kepada pihak MIMOS menerusi alamat e-mel **info@digital-id.my** dan talian telefon **03-86872772**. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah saya hargai.

Sekian, terima kasih

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ)

s.k. :

Ketua Setiausaha Negara

Ketua Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri

**SOALAN LAZIM**  
**PELAKSANAAN PENGGUNAAN FUNGSI MYDIGITAL ID**  
**BAGI APLIKASI MUDAH ALIH MYHRMIS MOBILE**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apa itu MyDigital ID?	MyDigital ID adalah sistem pengenalan diri yang sah dan selamat untuk kegunaan dalam talian termasuk perkhidmatan Kerajaan seperti <b>MyHRMIS Mobile</b> .
2.	Bilakah tarikh akhir kemudahan log masuk ke aplikasi MyHRMIS Mobile menggunakan ID HRMIS?	Tarikh akhir kemudahan log masuk ke aplikasi MyHRMIS Mobile menggunakan ID HRMIS adalah sehingga 26 Mei 2024. Mulai <b>27 Mei 2024</b> , log masuk ke aplikasi MyHRMIS Mobile hanya boleh menggunakan MyDigital ID.
3.	Adakah penggunaan MyDigital ID untuk MyHRMIS Mobile hanya boleh melalui telefon pintar sahaja?	Ya. MyDigital ID untuk MyHRMIS Mobile hanya boleh digunakan melalui telefon pintar.
4.	Adakah pegawai boleh menggunakan MyHRMIS Mobile sekiranya tidak mendaftar MyDigital ID?	Tidak boleh. Mulai 27 Mei 2024, hanya pegawai yang mempunyai MyDigital ID sahaja yang boleh menggunakan MyHRMIS Mobile.
5.	Bagaimanakah pegawai boleh mengakses maklumat HRMIS selepas log masuk menggunakan ID HRMIS ke MyHRMIS Mobile ditutup?	Pegawai boleh mengakses maklumat HRMIS menggunakan aplikasi HRMIS 2.0 melalui laman web yang masih boleh diakses menggunakan ID HRMIS seperti biasa.
6.	Apakah yang akan terjadi sekiranya pegawai terlupa kata laluan bagi MyDigital ID ketika cuba mengakses MyHRMIS Mobile?	Setakat ini <b>MIMOS</b> hanya menetapkan bahawa, sekiranya pegawai terlupa kata laluan, pegawai perlu membatalkan (batal/ <i>revoke</i> ) MyDigital ID di kiosk dan perlu mendaftar semula.
7.	Apakah akan terjadi sekiranya telefon pintar yang berdaftar dengan MyDigital ID serta mempunyai aplikasi MyHRMIS Mobile pegawai hilang atau rosak?	Buat masa ini, kiosk-kiosk ditempatkan di premis-premis kerajaan terpilih di Lembah Klang. Antaranya ialah: 1. Tingkat 4, Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya 2. Lobi, Blok C5, Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi, Putrajaya 3. Lobi, Blok Setia Perkasa 1, Kementerian Dalam Negeri, Putrajaya 4. Lobi, Blok C1, Jabatan Perkhidmatan Awam, Putrajaya 5. Lobi, MAMPU, Cyberjaya 6. Lobi, MIMOS Berhad, Bukit Jalil
8.	Siapakah yang boleh dihubungi untuk sebarang pertanyaan berkaitan penggunaan MyDigital ID bagi MyHRMIS Mobile?	Maklumat lanjut boleh dikemukakan kepada pihak MIMOS melalui: Emel : <b>info@digital-id.my</b> Hotline : <b>03 - 8687 2772</b>